



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	3/11/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Musim mengawan tingkat penemuan ular sawa

Segamat: Musim mengawan dan perubahan monsun dipercayai punca peningkatan mendadak serta penemuan puluhan ular sawa batik di sekitar daerah Segamat sejak seminggu lalu.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Segamat, Kapten (PA) Mohd Nazlan Roslan berkata, lebih 10 ekor ular sawa batik ditangkap APM Segamat hasil aduan penduduk sejak tiga hari lalu.

“Peningkatan penemuan ular sawa batik yang mencero boh kediaman ada kaitan dengan musim mengawan dan perubahan monsun timur laut,” katanya ditemui di Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Segamat di Jalan Omar di sini, semalam.

Katanya, antara lokasi penemuan 20 ekor ular sawa batik membabitkan Pekan

Jabi, Kampung Gubah, Taman Yayasan, Kampung Tungku Tiga dan Kampung Tengah di sini.

“Kebanyakan ular ditangkap berukuran sepanjang dua hingga empat meter dan seberat 35 sehingga 45 kilogram.

“Penemuan jumlah ular sawa betina melebihi pasangan jantan. Reptilia ini turut kelaparan dan keluar dari habitat asal dengan menyasarkan ternakan penduduk.

Menurutnya, kebanyakan ular sawa yang ditangkap anggota APM turut bertindak agresif cuba menyerang dan membelit.

“Penemuan sepasang ular sawa batik berukuran empat meter dan seberat kira-kira 45 kilogram di luar sebuah pusat komuniti di Pekan Jabi kira-kira jam 2 petang semalam antara petunjuk musim mengawan haiwan pe-



ULAR sawa batik betina antara 10 ekor yang berjaya ditangkap.

mangsa itu.

“Semua ular sawa batik itu akan diserahkan kepada pihak Perlindungan Hidupan

Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Segamat dalam masa terdekat bagi tindakan lanjut,” katanya.